

S E P 2 0 2 4 / B I L . 1 2 / 2 0 2 4

# EON

*Epitome of Nature*

SIFAR KEMISKINAN DAN KELAPARAN



MAJALAH PP BIOLOGI  
UITMCNS



# KESAN POSITIF PROGRAM PEMERKASAAN PEMASARAN DIGITAL KEPADA USAHAWAN MISKIN TEGAR DI KELANTAN

Nur Haslina Ramli<sup>1</sup>, Nor Sabrina Zahari<sup>1</sup>, Norsilawati Mohd Hassan<sup>1</sup>  
dan Azyanee Luqman<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengurusan & Perniagaan, UiTM Cawangan Kelantan,  
Kampus Machang, 18500 Machang, Kelantan.

<sup>2</sup>Fakulti Pengurusan & Perniagaan, UiTM Cawangan Kelantan,  
Kampus Kota Bharu, 15050 Kota Bharu, Kelantan.


[haslina581@uitm.edu.my](mailto:haslina581@uitm.edu.my)

EDITOR: DR. AMIRUL ADLI ABD AZIZ

Salah satu objektif di dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara adalah untuk mengurangkan jurang pendapatan dan menghapuskan kemiskinan. Isu kemiskinan merupakan satu isu global yang dihadapi oleh kebanyakan negara didunia. Di Malaysia masih terdapat negeri-negeri yang sentiasa dikaitkan dengan kadar kemiskinan yang tinggi. Kemiskinan sebenarnya merujuk kepada isi rumah berpendapatan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) manakala miskin tegar adalah keadaan di mana isi rumah berpendapatan kurang separuh daripada nilai PGK. Namun, nilai PGK berubah mengikut keadaan semasa. PGK ini digunakan sebagai pengukuran kepada status kemiskinan bagi sesuatu isi rumah yang berdaftar di dalam Sistem eKasih.

Berdasarkan data daripada Jabatan Pembangunan Negeri Kelantan Unit Penyelarasian

Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM), jumlah PGK bagi kategori miskin tegar adalah sebanyak RM 1,198 dan kadar peratusan kemiskinan tertinggi adalah di kawasan bandar sebanyak 52% berbanding hanya 48% di kawasan luar bandar. Kelantan merupakan antara 3 negeri di Semenanjung Malaysia yang tersenarai sebagai negeri yang mempunyai kadar miskin tegar yang tinggi. Kadar miskin tegar di Kelantan pada tahun 2024 adalah seramai 1778 Ketua Ibu Rumah (KIR) seperti ditunjukkan di Gambarajah 1.



Gambarajah 1: Statistik Status Kemiskinan pada tahun 2024. (Sumber: ICU,JPM)



Gambar 1: Program DiME 2024 Siri Pertama di UiTM Kelantan Kampus Kota Bharu  
(Sumber: Koleksi peribadi penulis)

Usaha pembasmian kemiskinan tegar adalah antara agenda utama kerajaan yang membabitkan usaha pelbagai kementerian dan agensi sekali gus memastikan kesejahteraan serta kemakmuran negara dapat dinikmati oleh semua pihak tanpa ada yang tercicir. Terkini, dalam menghapuskan miskin tegar, kerajaan memberi tumpuan kepada beberapa negeri utama seperti Sabah, Kelantan, Sarawak dan Kedah. Kerajaan turut memperuntukkan sejumlah besar dana bagi melaksanakan program menangani kemiskinan di bawah pelbagai kementerian dan agensi, antaranya program keusahawanan, modal insan, dan program peningkatan pendapatan lain untuk ketua isi rumah (KIR) miskin tegar. Di negeri Kelantan, inisiatif penghapusan miskin tegar dijalankan melalui ICU, JPM. Melalui geran penyelidikan usahasama antara pihak ICU

serta para penyelidik daripada UiTM Cawangan Kelantan, Program Pemerksaan Pemasaran Digital (DiME 2024) telah dijalankan bagi memperkasakan pemasaran digital dan meningkatkan pendapatan dalam kalangan usahawan miskin tegar di Kelantan.

Melalui Program Pemerksaan Pemasaran Digital (DiME 2024), objektif utama adalah untuk menyampaikan dan memperkasakan ilmu pemasaran digital dalam kalangan usahawan kecil di pelbagai daerah di Kelantan bagi meningkatkan pendapatan mereka. Keseluruhannya, DiME melibatkan 6 siri jelajah berbeza mengikut daerah antaranya Kota Bharu, Bachok, Gua Musang, Machang, Tumpat dan Jeli. Peserta merupakan usahawan kecil dalam kalangan miskin tegar di pelbagai daerah di Kelantan dan menjalankan pelbagai perniagaan. Program seharian,

ini merangkumi 7 modul, ceramah dan latihan dalam kumpulan yang dibantu oleh fasilitator dalam kalangan pensyarah atau penyelidik UiTM Cawangan Kelantan dan pegawai ICU Negeri Kelantan (Gambar 1). Seusai program tamat, setiap peserta diagihkan fasilitator bagi membantu dan memantau keberkesanan peserta di daerah masing-masing.

Pemasaran digital semakin popular dan kini menjadi trend dalam dunia perniagaan. Oleh kerana semakin ramai pelanggan kini mencari dan membeli barang secara atas talian, perniagaan yang tidak menggunakan pemasaran digital berkemungkinan besar tidak akan bertahan lama seperti perniagaan yang lain pada era ini. Pemasaran digital semakin popular dan kini menjadi trend dalam dunia perniagaan. Oleh kerana semakin ramai pelanggan kini mencari dan membeli

barangan secara atas talian, perniagaan yang tidak menggunakan pemasaran digital berkemungkinan besar tidak akan bertahan lama seperti perniagaan yang lain pada era ini. Cara pemasaran masa kini lebih menarik dan inovatif. Setakat ini, teknik pemasaran digital telah terbukti sebagai kaedah paling berkesan untuk menarik perhatian bakal pelanggan. Sesetengah perniagaan sanggup membelanjakan wang yang besar untuk mempromosikan perniagaan mereka dalam talian kerana terdapat banyak kelebihan menggunakan kaedah pemasaran digital. Antaranya, dengan mengaplikasikan pemasaran digital, komunikasi akan menjadi mudah dan cepat dengan tiada had sempadan dan ianya dapat mencapai pelbagai jenis pelanggan yang diinginkan. Analisis pemasaran digital juga dapat mengukur kejayaan serta pertumbuhan perniagaan dari semasa ke semasa. Ianya dapat membantu dalam mengkaji sama ada taktik pemasaran digital digunakan benar-benar berfungsi untuk menarik pelanggan dan dapat meningkatkan pendapatan usahawan sekali gus berupaya menghapuskan golongan miskin tegar.

Hasil dapatan menunjukkan terdapat kesan positif program terhadap peserta yang menyertai iaitu dari segi kesedaran dan pengetahuan pemasaran digital, lebih berfikiran kreatif dan wujudnya peningkatan dalam pendapatan mereka. Sebagai bukti, Puan Norhanani binti Md Yazid

merupakan salah seorang usahawan daripada peserta DiME 2024 di daerah Kota Bharu berjaya meningkatkan pendapatannya setelah menyertai program tersebut. Ternyata program 1 hari ini telah memberi peluang kepada beliau untuk mempertingkatkan pengetahuan keusahawanan dalam pemasaran digital. Program ini bukan hanya dikendalikan oleh penceramah dan fasilitator dalam kalangan pensyarah UiTM Cawangan Kelantan malah turut dibantu oleh beberapa orang tenaga pelatih dalam kalangan pelajar UiTM Cawangan Kelantan.

Menurut Puan Norhanani lagi, program tersebut mampu melatih usahawan kecil untuk menggunakan platform pemasaran digital secara praktikal (*hands-on*) di mana beliau telah mempelajari dan mula mahir dengan tatacara untuk menggunakan pelbagai platform pemasaran digital yang merangkumi pemasaran tanpa kos, Affiliate, Teknik Live di media sosial dan cara



Gambar 2: Contoh usahawan berjaya, Puan Norhanani binti Md Yazid, pemilik Naniey Qaseh Ku Frozen. (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

membina konten serta pelbagai lagi (Gambar 2). Hasil daripada mengikuti program tersebut, beliau memaklumkan bahawa pendapatan beliau mula meningkat daripada RM700.00 kepada RM1000.00 sebulan serta dapat meringankan lagi beban suami yang perlu menanggung seramai 5 orang isi rumah. Kebanyakan daripada peserta sangat berharap agar program seumpama DiME 2024 ini dapat diteruskan dan disambung bagi menjamin kelestarian perniagaan dalam kalangan usahawan kecil di Kelantan. Ternyata langkah yang diambil oleh kerajaan melalui agensi ICU JPM dengan kerjasama UiTM Cawangan Kelantan dengan menganjurkan program DiME 2024 ini telah memberi kesan positif kepada usahawan kecil di beberapa daerah di Kelantan. Program ini bukan hanya memberikan pendedahan mengenai ilmu pemasaran digital, malahan meningkatkan kemahiran perniagaan dan yang paling utama, boleh membawa mereka keluar daripada belenggu kemiskinan selari dengan salah satu daripada Matlamat Pembangunan Lestrari (SDG) iaitu menamatkan kemiskinan dalam semua bentuk. Justeru, sedarlah kita bahawa setiap usahawan perlu mempunyai pemahaman terhadap elemen pemasaran digital dan perlaksanaan strategi yang terancang agar pasaran yang lebih luas dapat diterokai dengan mudah dan berkesan demi kelangsungan hidup dan kemajuan masa depan mereka.

## Rujukan:

ekasih (Pangkalan Data Kemiskinan Nasional). (2024). Retrieved from Portal Rasmi: Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri:  
<https://www.icu.gov.my/pg/main.php?pg=perkhidmatan&type=sajahtera&list=s01>

Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. (2019). Retrieved from Laman Web Rasmi: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan:  
<https://www.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/285>

Kelantan bukan lagi negeri tercorot, hampir bebas miskin tegar. (2024, June 20). Retrieved from Portal Pembasmian Kemiskinan: <https://ekasih.icu.gov.my/Berita/Pages/Default.aspx>